Qiu Liang Jie @ Randy Guevarra Ngo lwn Ketua Pengarah Imigresen Malaysia

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO R1–22–06 TAHUN 2004
RAUS SHARIF H
23 MAC 2005

Acara Sivil — Injunksi — Imbangan kesenangan — Isu bona fide serius yang perlu dibicarakan — Sama ada injunksi patut dibenarkan

Plaintif ditahan di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, selama dua tahun mengikut perintah tahanan bertarikh 25 Jun 2004. Perintah tahanan tersebut dibatalkan pada 25 Disember 2004. Selepas pembatalan itu plaintif ditahan di Depot Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atas arahan defendan untuk tujuan dideportasikan ke Fuzhou, Republik China. Plaintif melalui satu writ saman memohon, antara lain, untuk: (1) deklarasi-deklarasi bahawa defendan tidak boleh melakukan deportasi terhadap plaintif ke Republik China; (2) plaintif hanya boleh dideportasi ke Republik Filipina di mana plaintif adalah warganegara dan di mana dia telah dilahirkan. Plaintif telah juga memohon satu injunksi interim untuk menghalang defendan sendiri, pekerja dan/atau agen yang sama daripada melakukan deportasi terhadap plaintif ke Republik China. Menurut plaintif, beliau telah dilahirkan di Republik Filipina dan telah berkahwin dengan wanita Filipina dan mempunyai dua orang anak dan mempunyai tempat tinggal di Filipina. Dalam hal ini plaintif telah mengemukakan dokumen-dokumen seperti sijil kelahiran dan pasport untuk menyokong dakwaan yang beliau adalah warganegara Republik Filipina. Untuk pihak defendan pula, dikatakan bahawa plaintif adalah seorang warganegara Republik China dan pemegang pasport Negara China. Plaintif telah didapati mengingkari perintah s 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 (Akta Imigresen) kerana masih berada di Malaysia selepas tamat tempoh pas lawatan sosial. Lanjutan itu, plaintif telah ditangkap pada 28 Disember dan suatu perintah deportasi dibawah s 33(1) Akta Imigresen telah dikeluarkan terhadap plaintif. Kata pihak defendan, memandangkan plaintif adalah seorang warganegara Republik China, maka sewajarnyalah plaintif dideportkan ke negara tersebut.

Diputuskan, membenarkan permohonan plaintif:

Persoalan utama yang perlu diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada atas keseluruhan fakta yang telah dibentangkan di hadapan mahkamah, telah mendedahkan isu bona fide yang serius yang perlu dibicarakan; *Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 MLJ 193 diikut. Jelas di dalam kes ini, terdapat isu bona fide yang serius yang perlu dibicarakan iaitu sama ada plaintif adalah seorang warganegara Republik Filipina atau Republik

China. Jelas keadilan memihak interim injunksi diberikan kepada plaintif. Kesusahan yang diakibatkan dengan injunksi ini diberikan adalah tidak seberat akibat jika injunksi ini ditolak. Ini adalah kerana jika interim injunksi tidak diberikan, plaintif akan dideportkan ke Republik China, dan dengan itu plaintif tidak akan berpeluang untuk mengemukakan kesnya di mahkamah ini untuk membuktikan bahawa beliau adalah warganegara Republik Filipina (lihat perenggan 8).

[**English summary**

The plaintiff was detained under s 6(1) of the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 for two years according to the detention order dated 25 June 2004. The detention order was revoked on 25 December 2004. After the revocation, the plaintiff was detained at the KLIA immigration depot on the order of the defendant for the purpose of deportation to Fuzhou, China. The plaintiff through a writ of summons applied inter alia for: (1) the declarations that the defendant could not carry out the deportation against the plaintiff to China; (2) the plaintif could only be deported to the Philipines where the plaintiff was a citizen and where the plaintiff was born. The plaintiff also applied for an interim injunction to stop the defendant, his workers and/or agents of the same from deporting the plaintiff to China. According to the plaintiff, he was born in the Phillipines and had married a Filipino girl dan have two children and a place of residence in the Philipines. In this matter plaintiff had brought forward his documents such as his birth certificates and passports to support the claim that he was a citizen of the Philipines. For the defence, it was said that the plaintif was a citizen of China and held a Chinese passport. The plaintiff had failed to comply with an order under s 15(1)(c) of the Immigration Act 1959/1963 ('Immigration Act) for over staying in Malaysia after the expiration of his social visit period. In addition to that, the plaintiff was arrested on 28 December and a deportation order under s 33(1) of the Immigration Act was issued against the plaintiff. According to the plaintiff, considering that the plaintiff was a citizen of China therefore it was fair that the plaintiff be deported there.

Held, allowing the plaintiff's application:

The main question that needs to be decided by the court was whether on the whole of the facts which was brought before the court, there was a serious bona fide issue to be tried; *Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 MLJ 193 followed. Clearly in this case there was a serious bona fide issue to be tried which was whether the plaintif was a citizen of the Philipines or China. Clearly justice favoured that the interim injunction be given to the plaintif. The inconvenience which would be caused by this injunction granted would not be as grave as if the injunction was not granted. This was because if the interim injunction was not given, the plaintiff would

be deported to China, and with that the plaintiff would not have an opportunity to present his case before the court to prove that he was a citizen of the Philipines (see para 8).

Nota-nota

Bagi kes berkenaan imbangan kesenangan, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 2577–2582.

Kes yang dirujuk

Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors [1995] 1 MLJ 193 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 s 6(1)
Akta Imigeresen 1959/1963 s 15(1)(c), 33(1)

Karpal Singh (Sia Boon Chee bersamanya) (Karpal Singh & Co) bagi pihak plaintif. Narkunavarthy (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan.

Raus Sharif J:

[1] Melalui writ saman bertarikh 31 Disember 2004, plaintif memohon antara lain relief-relief berikut:

(i) Satu deklarasi bahawa defendan tidak boleh melakukan deportasi terhadap plaintif ke Republik China dengan cara yang sah di sisi undang-undang;

(ii) Satu deklarasi bahawa plaintif hanya boleh dideportasi ke Republik Filipina di mana plaintif adalah warganegara dan di mana dia telah dilahirkan;

(iii) Satu injunksi interim untuk menghalang defendan sendiri, pekerja dan/atau agen yang sama daripada melakukan deportasi terhadap plaintif keRepublik China;

(iv) Gantirugi;

(v) Faedah; dan

(vi) Kos.

[2] Dalam masa yang sama, melalui perakuan segera, plaintif telah memfailkan saman dalam kamar (kandungan 3) untuk memohon satu injunksi interim untuk menghalang defendan sama ada secara sendiri, pekerja-pekerja dan/atau agen-agennya atau apa-apa cara yang lain daripada mendeportasikan plaintif ke Republik China, sehingga pendengaran writ saman tersebut.

[3] Pada 31 Disember 2004, mahkamah ini secara ex-parte telah membenarkan permohonan plaintif di kandungan 3 dan seterusnya mengarahkan supaya permohonan plaintif didengar secara inter-parte. Pada 27 Januari 2005, mahkamah ini setelah mendengar kedua-dua pihak telah mengekalkan perintah bertarikh 31 Disember 2004 dan melanjutkannya sehingga perbicaraan writ saman yang difailkan oleh plaintif.

[4] Alasan-alasan saya membuat perintah sedemikian adalah seperti berikut.

[5] Di dalam kes ini, plaintif telah ditahan di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, selama dua tahun mengikut perintah tahanan bertarikh 25 Jun 2004. Perintah tahanan tersebut kemudiannya telah dibatalkan pada 25 Disember 2004. Selepas pembatalan itu plaintif telah ditahan di Depot Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atas arahan defendan untuk tujuan dideportasikan keFuzhou, Republik China.

[6] Pertikaian di sini adalah mengenai kewarganegaraan plaintif. Dari affidavit yang difailkan adalah menjadi dakwaan plaintif bahawa beliau adalah warganegara Republik Filipina. Menurut plaintif, beliau telah dilahirkan di Republik Filipina dan telah berkahwin dengan wanita Filipina dan mempunyai dua orang anak dan mempunyai tempat tinggal di Filipina. Dalam hal ini plaintif telah mengemukakan dokumen-dokumen seperti sijil kelahiran dan pasport untuk menyokong dakwaan yang beliau adalah warganegara Republik Filipina.

[7] Responden mempertikaikan dakwaan plaintif. Encik Sa'adun bin Mat Sabari, Pengarah Imigresen Wilayah Persekutuan dalam afidavitnya bertarikh 26 Januari 2005 telah menyatakan bahawa plaintif adalah seorang warganegara Republik China dan pemegang pasport Negara China No G 07954624. Menurut Encik Sa'adun, plaintif telah didapati mengingkari perintah s 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 (Akta Imigresen) kerana masih berada di Malaysia selepas tamat tempoh pas lawatan sosial. Lanjutan itu, plaintif telah ditangkap pada 28 Disember dan suatu perintah deportasi di bawah s 33(1) Akta Imigresen telah dikeluarkan terhadap plaintif. Menurut Encik Sa'adun lagi, memandangkan plaintif adalah seorang warganegara Republik China, maka sewajarnyalah plaintif dideportkan ke negara tersebut.

[8] Di peringkat ini, persoalan utama yang perlu diputuskan ialah sama ada atas keseluruhan fakta yang telah dibentangkan di hadapan saya, telah mendedahkan isu bona fide yang serius yang perlu dibicarakan (*Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 MLJ 193). Pada saya, jelas di dalam kes ini, terdapat isu bona fide yang serius yang perlu dibicarakan iaitu sama ada plaintif adalah seorang warganegara Republik Filipina atau Republik China. Jelas keadilan memihak interim injunksi diberikan kepada plaintif. Kesusahan yang diakibatkan dengan injunksi ini diberikan adalah

tidak seberat akibat jika injunksi ini ditolak. Ini adalah kerana jika interim injunksi tidak diberikan, plaintif akan dideportkan ke Republik China, dan dengan itu plaintif tidak akan berpeluang untuk mengemukakan kesnya di mahkamah ini untuk membuktikan bahawa beliau adalah warganegara Republik Filipina.

Permohonan plaintif dibenarkan.

Dilaporkan oleh John Paul Simon